

Taklimat Darjah 5

Sekolah Rendah Balestier Hill



AGENDA

- Pengenalan
- Jadual Pengkhususan
- Objektif Penilaian

Objektif taklimat ini :

- Memperkasakan ibu bapa mengenai format peperiksaan Darjah 5
- Berkongsi strategi dan tips pembelajaran untuk membantu waris dalam pelajaran mereka sepanjang tahun

Perbezaan kertas P4 dan P5

P4

Kertas	Kandungan	Markah
Kertas 1	Karangan (tidak kurang 100 patah perkataan)	15
Kertas 2	Bahasa Imbuhan, Peribahasa, Melengkapkan Teks, Kefahaman 1, Interaksi Penulisan, Kefahaman 2	45
Kertas 3	Kefahaman Mendengar - Pemandangan Gambar - Melengkapkan Dialog - Kefahaman Berdasarkan Teks	10
Kertas 4	Lisan - Bacaan Lantang - Penerangan Berdasarkan Gambar - Perbualan Berkaitan dengan Gambar	30
	Jumlah	100

P5

Kertas	Kandungan	Markah
Kertas 1	Karangan	40
Kertas 2	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman Imbuhan, Peribahasa, Golongan Kata, Frasa, Kefahaman 1 & 2	90
Kertas 3	Lisan	50
	Kefahaman Mendengar	20
	Jumlah	200

Kertas 1

	KANDUNGAN	Jumlah Soalan	Markah (%)
Kertas 1	<p>Karangan</p> <ul style="list-style-type: none"><input type="checkbox"/> Karangan berdasarkan topik (3-4 soalan rangsangan diberikan)<input type="checkbox"/> Karangan berdasarkan gambar bersiri (6 petak termasuk 1 petak kosong; 8 perkataan/frasa diberikan)	1	40 (20%)

Kertas 2

	KANDUNGAN	Jumlah Soalan	Markah (%)
Kertas 2	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman		
Buku A	<input type="checkbox"/> Pengimbuhan (MCQ)	5	20 (10%)
Bahagian A	<input type="checkbox"/> Peribahasa (MCQ)	5	10 (5%)
	<input type="checkbox"/> Golongan Kata (MCQ)	5	10 (5%)
Bahagian B	Kefahaman 1 (MCQ)	5	10 (5%)
	Subtotal	20	50 (25%)

Kertas 2

	KANDUNGAN	Jumlah Soalan	Markah (%)
Kertas 2 Buku B Bahagian C	Penggunaan Bahasa dan Kefahaman <input type="checkbox"/> Frasa (FIB)	4	8 (4%)
Bahagian D	Kefahaman 2 (2 teks, MCQ & OE)	11	32 (16%)
	Subtotal	15	40 (20%)

Kertas 3 – Kefahaman Mendengar

	KANDUNGAN	Jumlah Soalan	Markah (%)
Kertas 3 Kefahaman Mendengar	Kefahaman Mendengar <input type="checkbox"/> Bacaan Petikan Teks (MCQ) <input type="checkbox"/> Jawapan berbentuk grafik dan menguji keupayaan calon melengkapkan perbualan (dialogue rejoinder) diperkenalkan	10	20 (10%)
	Subtotal	10	20 (10%)

Kertas 3 – Lisan

	KANDUNGAN	Jumlah Soalan	Markah (%)
Kertas 3 Lisan Bahagian A	Bacaan <input type="checkbox"/> Bacaan Lantang <input type="checkbox"/> Membaca lantang petikan yang dipaparkan pada skrin komputer	1	20 (10%)
Bahagian B	Perbualan berdasarkan rangsangan video <input type="checkbox"/> Video menggantikan gambar sebagai rangsangan	1	30 (15%)
	Subtotal		50 (25%)



LISAN

Lisan

Persiapan	Masa yang diperuntukkan -10 minit Menonton klip video pendek (semunit)
Bacaan Lantang	Petikan lebih kurang 115 pp Calon harus berupaya untuk membaca : <ul style="list-style-type: none">• dengan sebutan yang tepat dan jelas• dengan lancar dengan intonasi yang sesuai
Perbualan (Interaksi Lisan)	Calon harus berupaya untuk : <ul style="list-style-type: none">▪ memberikan respons peribadi terhadap rangsangan visual▪ mengembangkan idea dengan jelas dan koheren▪ berbual dan melahirkan idea dengan jelas<ul style="list-style-type: none">○ Menggunakan kosa kata yang sesuai dan pelbagai

Lisan

Perbualan (Interaksi Lisan)

Calon harus berupaya :

- Memberikan penerangan yang jelas dan konkrit tentang perkara yang dilihat dan didengar
- Berupaya untuk melahirkan pendapat peribadi tentang isu harian
- Berupaya untuk berinteraksi dan berbual dengan orang lain tentang isu harian

Lisan (BMA)

PENERANGAN BERDASARKAN VIDEO

Rangsangan Awal

Terangkan gambar ini dan berikan pendapat kamu mengenai perkara-perkara yang kamu lihat dalam gambar ini.

PERBUALAN BERKAITAN DENGAN VIDEO

Rangsangan Awal

Ceritakan satu acara yang pernah dianjurkan oleh sekolah kamu.

KARANGAN


Pembahagian Markah Karangan

ISI (20 markah)	BAHASA (20 markah)
Asli dan kreatif	Kosa kata yang betul, pelbagai dan bertepatan dengan konteks dan tahap perlakuan
Penggunaan : <ul style="list-style-type: none">• peribahasa• frasa berbunga• dialog• cogan kata• perumpamaan	Struktur ayat : <ul style="list-style-type: none">• Gramatis• Kepelbagaian ayat : Tunggal / Majmuk / Kompleks• Kesesuaian• Aplikasi aspek bahasa
Teknik penulisan: <ul style="list-style-type: none">• imbas kembali• suspens• klimaks	Ejaan
	Tanda baca

Ciri-ciri Karangan Cemerlang

- Karangan harus mempunyai **permulaan, isi** dan **penutup**.
- Menghafal dan menggunakan sekurang-kurangnya **sepuluh frasa berbunga** dalam penulisan
- **Dialog** haruslah dimulakan dengan **perenggan baharu**.
- Isi dari perenggan sebelumnya haruslah **koheren dan berkesinambungan**.
- Penggunaan **kosa kata** yang **pelbagai**.

Panduan Karangan



Pendahuluan

- Menarik perhatian pembaca
- Gunakan dialog
- Menggambarkan tempat kejadian
- Memukau pembaca
- Ringkas
- Memberi impak

Isi Karangan

- Menceritakan semula peristiwa yang telah dialami
- Pilih isi yang **sesuai dan relevan**
- Pastikan **setiap perenggan** mengandungi satu isi dengan **huraian dan contoh** yang sesuai.
- Mesti mempunyai elemen seperti **suspens, konflik, penyelesaian** dan penutup.
- Mesti **memperkembangkan watak, latar dan jalan cerita.**

- Memerikan cerita dengan penggunaan yang lebih bersifat deskriptif

Razak merapikan kotnya. Dia ingin sekali mengecapi kehangatan khatulistiwa yang telah setahun ditinggalkannya. Dia mencapai telefon bimbitnya lalu menelefon ibu tersayang yang telah lama dirindunya.

Penutup

- Berikan penjelasan tentang pengajaran dalam cerita
- Mestilah menyelesaikan cerita
- Dapat memberi kesan kepada pembaca
- Dapat memberi gambaran tentang kesudahan watak, latar dan plot cerita
- Cogan Kata, Peribahasa, Pantun

- Penutup karangan sebaik-baiknya mengandungi nilai moral / amanat :

*Harun menunduk malu kerana enggan berdepan dengan ibu bapanya. Kini dia sedar bahawa situasinya itu **ibarat sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga**. Pencurian yang dilakukannya berkali-kali akhirnya dikesan. Dia dipenjarakan lima tahun berikutan sabitan mahkamah.*

KEFAHAMAN SUBJEKTIF

Kefahaman

Rasional

1. memberikan fokus pada:



pemahaman murid



keupayaan murid memberikan alasan/sebab



keupayaan murid mengaplikasi pengetahuan

Soalan Kefahaman

2. menguji konsep, proses pemikiran dan kemahiran murid
3. memperlihatkan cara murid mencerna maklumat
4. memperlihatkan cara murid menginterpretasi maklumat
5. memperlihatkan cara murid menyelesaikan masalah

Jenis Soalan

Apakah	Pemahaman (<i>Jawapan agak jelas</i>)
Bagaimana	Aplikasi (<i>Menyusun semula idea dan gunakan untuk menjawab</i>)
Nyatakan / Berikan	Pemahaman / Analisis
Jelaskan / Huraikan	Pemahaman / Analisis / Aplikas
Pada pendapat kamu	Penilaian (<i>Beri pendapat berdasarkan bukti teks</i>)
Apa yang dimaksudkan	Analisis (<i>Memahami ayat dan isi</i>)
Bilakah	Pemahaman
Mengapa	Pemahaman / Analisis

SENARAI SEMAK :

J Jawapan

E Ejaan

T Tanda Baca

KEFAHAMAN MENDENGAR

Tip & strategi kefahaman mendengar

- Menandakan jawapan yang difikirkan betul pada rakaman kali pertama
- Semak jawapan pada rakaman kali kedua
- Mengaitkan kosa kata yang didengar dengan kosa kata di kertas soalan

Hambatan

1. Murid memiliki kosa kata yang terhad.
2. Murid-murid juga tidak hantar tugas tepat pada masa yang dikehendaki guru.
3. Ada tugas yang tidak dibuat atau dilengkapkan.
4. Masalah disiplin murid - lewat / tidak hadir ke sekolah / kelas tambahan.
5. Murid tidak berdisiplin dan tidak bermotivasi untuk melakukan yang terbaik untuk diri mereka.




HARAPAN KAMI

- ✓ Menggalakkan anak anda **membaca** surat khabar / menonton siaran Berita
- ✓ Memastikan anak anda **mengulangkaji** setiap hari dan menyelesaikan kerja-kerja rumah
- ✓ Adakan **jadual pembelajaran** – masa ditetapkan untuk melungsur internet dan memantau laman-laman yang dikunjunginya
- ✓ **Hadir ke sekolah** pada setiap hari dan jangan lewat ke sekolah
- ✓ **Memantau kegiatan** anak anda dan mengetahui siapakah teman-teman mereka
- ✓ Menggalakkan anak anda pergi ke perpustakaan untuk meminjam dan membaca buku
- ✓ Galakkan anak anda **bertutur dalam bahasa baku Melayu**

Approved Malay Dictionaries

S/ N	Title	Publisher
1	Kamus Dewan (Edisi Kedua)	Dewan Bahasa dan Pustaka
2	Kamus Dewan (Edisi Ketiga)	Dewan Bahasa dan Pustaka
3	Kamus Dewan (Edisi Keempat)	Dewan Bahasa dan Pustaka
4	Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan (Edisi Kedua)	Dewan Bahasa dan Pustaka
5	Kamus Pelajar (Terbitan Khas KBSM)	Dewan Bahasa dan Pustaka
6	Kamu Pelajar Bahasa Malaysia (Edisi Kedua)	Dewan Bahasa dan Pustaka
7	Kamus Pelajar Bahasa Malaysia (Terbitan Khas KBSM)	Dewan Bahasa dan Pustaka
8	Kamus Komprehensif Bahasa Melayu	Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Contoh Kamus



eKamus

Kelebihan

- Kandungan kamus Dewan Bahasa & Pustaka Edisi-4
- Mencakupi : Melayu - Melayu
- Mencari makna perkataan
- Ayat contoh disediakan
- Penggunaan yang interaktif
- Mudah dibawa kemana-mana
- Sesuai digunakan sebagai panduan & rujukan dalam kelas & tugasan harian.
- Sesuai untuk pelajar - pelajar, guru-guru bahasa dan golongan dewasa.



Sesi Soal - Jawab

Sekian & Terima Kasih kerana telah meluangkan masa untuk menghadiri taklimat kami.